

**PERANAN DALANG DALAM REKABENTUK PENTAS PERSEMBAHAN  
WAYANG KULIT KELANTAN**  
***THE ROLE OF TOK DALANG IN THE STAGE DESIGN OF  
WAYANG KULIT KELANTAN***

**Azrul Azizi Amirrul**

*Pusat Pengajian Seni, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia  
azrulazizi@usm.my*

*Tarikh dihantar: 5 September 2020 / Tarikh diterima: 5 November 2020*

---

**ABSTRAK**

Kajian ini akan meninjau peranan dalang wayang kulit Kelantan dalam reka bentuk pentas persembahan. Dalang wayang kulit atau tok dalang merupakan seseorang yang mengemudi persembahan wayang kulit. Beliau memainkan peranan sebagai penulis cerita, pengarah lakonan, pemain watak, pengarah pentas dan sebagainya. Reka bentuk pentas yang sesuai akan membantu dalam keseluruhan persembahan wayang kulit. Wayang kulit Kelantan mengalami perubahan besar yang selari dengan arus pembangunan moden. Perubahan yang dilihat adalah melibatkan reka bentuk pentas panggung dan kesannya kepada persembahan wayang kulit. Kekangan tempat dan ruang dilihat mempengaruhi persembahan dan penonton. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan dalang dalam reka bentuk panggung wayang kulit Kelantan dan kesesuaian dengan era kini. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan pemerhatian penyelidik dan temu bual dengan beberapa orang dalang wayang kulit Kelantan. Berdasarkan data yang didapati daripada kajian, analisis akan dilakukan dalam menentukan perubahan yang sesuai dan peranan dalang dalam merapatkan jurang perubahan dalam masyarakat. Hasil kajian telah mendapati perubahan ketara yang wujud dalam reka bentuk persembahan wayang kulit Kelantan adalah aspek ruang persembahan akibat daripada penyesuaian peranan dan sikap dengan tuntutan undang-undang, kehendak penganjur, ruang dan keperluan penonton. Perubahan sikap dan amalan dalang pada masa kini adalah satu langkah pemurnian yang amat bijaksana dan rasional bagi memastikan kelangsungan seni wayang kulit Kelantan.

Kata kunci: Wayang kulit Kelantan, reka bentuk pentas, teater tradisional, dalang, inovasi.

***ABSTRACT***

*This study will look into the stage design of wayang kulit Kelantan and the dalang's role on this matter. Tok dalang or the puppeteer plays many roles in wayang kulit Kelantan such as writer, acting director,*

*character actor, stage director and many more. As an important figure that drives the show, tok dalang also can help with the improvement and innovation of wayang kulit Kelantan. Wayang kulit Kelantan has undergone major changes in line with the current development and the innovation of stage design is one of them. Space constraints are seen to affect the performance and the the audience. The objective of this study is to study the role of tok dalang in the design aspect of the show that befitting the current era. This study will use qualitative methods which involve observation and interviews with several dalangs in Kelantan. Based on the data obtained, the analysis will be done to determine the stage design that can bridge the gap between the old and the new. From the result, the significant changes in the design came from the legal requirements, the demand from the organiser, and the audiences' space. Changes in attitudes and practices of the dalang especially in innovation can benefit the continuity of the wayang kulit Kelantan.*

**Keywords:** *Wayang kulit Kelantan, stage design, traditional theatre, tok dalang, innovation.*

## PENDAHULUAN

Persembahan wayang kulit merupakan seni persembahan tertua di Asia. Negara seperti China, India, Vietnam, Thailand, Indonesia dan Malaysia mempunyai persembahan wayang kulit tersendiri yang mempunyai persamaan dan perbezaan setiap satu daripadanya. Walau bagaimanapun, pada asasnya persembahan ini dihasilkan dengan pergerakan bayang daripada patung yang terpancar pada skrin putih melalui cahaya yang dipancarkan daripada belakang patung. Pemain patung atau dalang berperanan untuk menghidupkan watak dan perwatakan patung dengan menggerakkan patung ini semasa persembahan (Ghulam Sarwar Yousof, 1994).

Malaysia mempunyai empat jenis persembahan wayang kulit iaitu wayang gedek, wayang purwa, wayang Melayu dan wayang kulit Kelantan atau wayang siam. (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 2000). Setiap jenis wayang kulit ini berbeza dari segi kaedah persembahan, cerita, kelengkapan pentas dan loghat bahasa disebabkan lokaliti asal jenis wayang ini.

Wayang gedek misalnya dimainkan di sekitar negeri utara Semenanjung dan menyerupai Nang Talung yang terdapat di Selatan Thailand. Bahasa yang digunakan adalah dialek utara dan diselang-seli dengan bahasa Thai. Bentuk patung menghadap ke depan daripada bahagian kepala hingga ke bahagian pinggang. Bahagian pinggang ke bahagian kaki adalah berbentuk *profile*.

Wayang Purwa dimainkan oleh penduduk Johor dan Selangor yang berketurunan Jawa. Bahasa Jawa Kuno dan bahasa Jawa kasar digunakan dalam persembahan dan diselang-selikan dengan penggunaan bahasa Melayu. Patung diukir halus, lengan dan leher dibuat nipis dan panjang. Corak-corak ditebuk dan diwarnai dengan berwarna-warni dan disepuh dengan warna air emas.

Wayang kulit Melayu juga disebut wayang Jawa mempunyai pengaruh daripada wayang Purwa dari Jawa. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu dialek Jawa. Cerita panji adalah cerita utama yang mendasari persembahan ini. Bentuk patung wayang kulit Melayu mirip patung wayang Purwa.

Wayang kulit Kelantan dimainkan di sekitar pantai timur terutama di Kelantan. Bahasa yang digunakan adalah bahasa Melayu dialek Kelantan yang dipengaruhi loghat Patani. Cerita yang dipersembahkan adalah berdasarkan *Hikayat Seri Rama* yang disadur daripada *Ramayana*.

Hasil penelitian terhadap semua jenis wayang kulit ini didapati mempunyai pengaruh dari Jawa atau Patani (selatan Thai). Walau bagaimanapun, telah berlaku proses perubahan dan penyesuaian bagi memenuhi kehendak masyarakat setempat yang melibatkan hal kesenian dan apresiasinya. Hal ini berlaku disebabkan persembahan wayang kulit ini merupakan medium utama hiburan masyarakat tradisional, malah turut menjadi satu medium didaktik serta komunikasi sesama masyarakat.

## LATAR BELAKANG

Dalang memainkan peranan penting dalam persembahan wayang kulit. Ia bukan sekadar memainkan patung, tetapi berperanan sebagai pemimpin sesebuah kumpulan persembahan. Dalam kehidupan masyarakat Melayu, dalang adalah bomoh, penasihat dan pakar yang dijadikan rujukan dalam kehidupan masyarakat Melayu apabila berkait rapat dengan amalan kepercayaan ritual (Mana Sikana, 1996). Persembahan wayang kulit Kelantan mempunyai reka bentuk unik dalam komponen pentas persembahannya. Setiap satu darinya mempunyai konotasi kepercayaan masyarakat. Bermula daripada pemilihan tapak untuk mendirikan panggung, hari pembinaan panggung sehinggalah selesai persembahan.

Kedudukan dalang sebagai ketua kumpulan, bomoh dan ahli persembahan membuatkan beliau dihormati dan dipandang tinggi dalam kalangan masyarakat. Kepercayaan bahawa pemimpin merupakan wakil Tuhan di muka bumi adalah

pegangan masyarakat Melayu tradisional. Penghormatan perlu diberikan kerana secara simbolik, ia memaparkan ketaatan manusia kepada Tuhan. Kepercayaan ini dipegang sejak zaman animisme, Hindu-Buddha hinggalah zaman Islam. Oleh itu, setiap dalang wajib mengikuti tradisi berguru dengan dalang tua bagi memastikan penguasaan mereka dalam setiap aspek persembahan sama ada melibatkan amalan, nilai dan pantang larang secara ritual mahupun kesenian mampu meneruskan manifestasi kepercayaan masyarakat (Nor Hazizan Talib, 2008).

Dalam konteks persembahan wayang kulit Kelantan, kepercayaan masyarakat terhadap alam ghaib dan hubungannya dengan realiti dizahirkan dalam proses mewujudkan ruang persembahan wayang kulit Kelantan. Komponen terpenting dalam persembahan wayang kulit adalah pentas yang berfungsi bagi menyediakan ruang untuk sesebuah persembahan. Secara umumnya latar penceritaan, zaman dan masa berlaku sesebuah kejadian atau peristiwa persembahan tersebut dapat digambarkan melalui penggunaan ruang (Abdul Rahman Napiah, 1987). Pentas persembahan wayang kulit juga berfungsi sebagai ruang simbolik dan berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat. Ruang simbolik ini dapat dilihat dalam proses binaan panggung, penggunaan bahan untuk persembahan dan ruang tempat untuk persembahan itu (Sugu Perinpam, 1998). Konsep ruang ini tidak realistik seperti teater moden kini. Paparan tempat atau ruang penceritaan hanya melalui pengucapan dialog dalang, pergerakan patung dan diiringi dengan muzik. Penonton bebas untuk berimajinasi dalam melihat visual persembahan wayang kulit ini. Menurut Mana Sikana (1996), konsep ruang ini bukan sahaja memaparkan kreativiti masyarakat Melayu tetapi menjadi asas utama dalam falsafah seni persembahan Melayu tradisional.

Selain itu, penggunaan ruang panggung mempunyai makna simbolik kepada penonton sebagai satu ruang persembahan. Ruang persembahan secara simbolik ini melibatkan penceritaan yang melangkaui alam realiti manusia, manakala aspek ritual dalam ruang panggung adalah ruang khusus untuk ahli persembahan sahaja. Ruang ini juga merupakan medium antara alam manusia dan alam roh atau semangat. Tidak dapat dinafikan, ruang simbolik yang diperkatakan ini mempunyai percampuran unsur kepercayaan daripada amalan animisme, Hindu-Buddha dan Islam. Kepercayaan berkenaan alam ghaib mewujudkan makna tersendiri dalam persembahan wayang kulit Kelantan melalui setiap aspek reka bentuk persembahan yang melibatkan komponen panggung, kelir, cahaya, kelir, batang pisang, patung, dalang dan muzik. Panggung wayang kulit Kelantan adalah binaan yang bukan semata-mata bersifat fizikal tetapi juga berhubung dengan kepercayaan masyarakat.

Perubahan zaman menuntut para pengamal khususnya dalang melakukan perubahan daripada setiap segi bagi menjamin kelangsungan persembahan wayang kulit Kelantan ini. Kemajuan teknologi dan desakan masa menyebabkan persembahan ini kini dipandang sepi. Masyarakat lebih menyukai persembahan bersifat moden melalui kaca televisyen dan ringan tanpa perlu berfikir dengan mendalam untuk menafsir makna di sebalik sesuatu persembahan. Selain itu, perubahan ini juga adalah akibat pengharaman Kerajaan Negeri Kelantan untuk persembahan yang mengandungi unsur-unsur khurafat pada tahun 1991 hingga tahun 1994. Pengamal persembahan hanya dibenarkan membuat persembahan untuk aktiviti pelancongan. Hal ini menyebabkan kemerosotan jumlah kumpulan yang membuat persembahan disebabkan syaratnya yang ketat. Pada tahun 1998, Kerajaan Negeri Kelantan menggubal Dasar Kebudayaan Negeri Kelantan, iaitu enakmen No.8 yang diluluskan pada 29 Oktober 1998 bagi menyekat hal berkaitan syirik dalam kesenian (*Harakah*, 2005).

Hal ini secara tidak langsung menyebabkan perubahan terjadi dalam semua kesenian di negeri Kelantan termasuklah wayang kulit Kelantan. Kepercayaan yang mendasari persembahan wayang kulit Kelantan selama ini harus berubah dan bersesuaian mengikut kehendak Kerajaan Negeri Kelantan serta memenuhi tuntutan industri pelancongan sahaja. Berdasarkan situasi ini, dipercayai wujudnya perubahan dari aspek persembahan melibatkan reka bentuk panggung persembahan yang mengakibatkan perubahan terhadap peranan dalang dalam wayang kulit Kelantan kini.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian sebelum ini membuktikan bahawa seni persembahan wayang kulit Kelantan ini sedang terancam. Menurut Hill (1949) dalam kajian beliau mendapati terdapat 300 dalang sewaktu beliau melakukan kajian. Amin Sweeney (1972) mencatatkan hanya 60 orang dalang sewaktu beliau menjalankan kajian dan jumlah itu semakin merosot kepada 25 orang dalang pada tahun 1998 dan merosot lagi kepada 11 orang pada tahun 1999 (Jamaludin Osman, 2001). Pada bulan November 2014, maklumat yang didapati daripada Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Kelantan hanya terdapat dua kumpulan yang aktif di sekitar Kelantan.

Kajian ini adalah salah satu usaha memelihara dan memulihara seni wayang kulit Kelantan. Hal ini dapat menambah dan memperdalamkan lagi pengetahuan terhadap tugas dan fungsi dalang apabila memahami keperluan dan ciri reka bentuk pentas persembahan wayang kulit Kelantan kini. Kebolehan mengadaptasi dan mengikuti perkembangan semasa, membentuk sesuatu

persembahan khususnya melalui reka bentuk pentas ini penting bagi memastikan kelangsungan tradisi seni wayang kulit Kelantan. Kini, dalang kini ternyata bukan hanya seorang individu yang bertindak sebagai ketua dan pelaku persembahan, malah mempunyai keperluan lebih besar daripada itu dalam aspek persembahan.

Selain itu, kajian ini adalah satu langkah pendokumentasian dalam persembahan wayang kulit Kelantan khususnya terhadap dalang. Hal ini mampu berfungsi bagi memahami dan menjelaskan sumbangan dalang terhadap kelangsungan wayang kulit Kelantan. Secara tidak langsung, kajian ini diharapkan dapat mengiktiraf peranan dan kebolehan dalang dalam menghadapi cabaran perubahan zaman. Selain itu, usaha ini juga mampu membersihkan tanggapan atau *bias* sesetengah masyarakat tentang amalan khurafat yang dikatakan masih wujud dalam persembahan wayang kulit Kelantan ini.

### **Kajian Lepas**

Ainu Sham dan Mohd Azmi (1996), menyatakan struktur panggung wayang kulit yang lengkap perlu mempunyai tutup tiang, atap, tiang, tiang kelir, batang pinang, dinding buluh dan tangga. Ia mempunyai ketinggian daripada lantai hingga bumbung kira-kira 3 meter pada bahagian depan dan 2 meter hingga 2.5 meter pada bahagian belakang. Empat tiang utama pada setiap penjuru panggung dan tiang ini ditanam sedalam 45 sentimeter hingga 61 sentimeter ke dalam tanah. Satu tiang seri di bahagian tengah panggung juga ditanam dengan kedalaman yang sama. Pengkaji Shahrum Yub (1974) juga turut bersetuju tentang ukuran panggung persembahan wayang kulit Kelantan ini. Hal ini menimbulkan persoalan tentang panggung persembahan kini yang memerlukan kesesuaian tempat persembahan meliputi dewan, hotel dan sebagainya. Perubahan ini menunjukkan telah wujud pemboleh ubah dalam ruang dan binaan panggung. Oleh itu, perubahan ini perlu dikenal pasti dan dianalisis bagi mendapatkan tindak balas dalang kini berdasarkan faktor-faktor dan kesan yang menyumbang kepada perubahan tersebut.

Perubahan dari segi bentuk fizikal ini juga akan mempengaruhi aspek ritual dan simbolik dalam reka bentuk panggung ini. Abdullah Muhammad (1984) dan Nor Hazizan Talib (2008) memberikan pendapat dari perspektif simbolisme Islam. Abdullah Muhammad menghubungkan wayang kulit dengan falsafah dan pemikiran Ibnu Arabi, iaitu konsep kecil (mikrokosmos) yakni batin dan alam besar (makrokosmos) iaitu zahir serta hubungan dengan tasawuf. Hal ini juga diketengahkan oleh Nor Hazizan Talib yang menghubungkan simbol-simbol dalam wayag kulit dengan ilmu tasawuf. Kedua-duannya menjelaskan konsep ghaib, spekulasi alamiah dan perlambangan dalam aspek persembahan dan ritual sesebuah wayang kulit Kelantan.

Jamaluddin Osman (2001) dalam kajiannya menghubungkan kepentingan hubungan dalang dengan setiap aspek persembahan khususnya dalam setiap urusan panggung. Dalang bertanggungjawab memastikan setiap tindakan dan perbuatan yang melibatkan ahli persembahan dan penonton mematuhi amalan, pantang larang dan nilai kepercayaan yang diwarisi secara tradisi melalui sistem pembelajaran pendalangan. Proses mendirikan panggung, memilih tapak dan arah panggung, binaan panggung, upacara membuka dan menutup panggung, pembahagian ruang persembahan antara dalang, ahli persembahan dan penonton, serta pelbagai hal yang dibenarkan atau dilarang sama sekali mempunyai maksud dan manifestasi khusus daripada sistem kepercayaan dan sistem sosial masyarakat.

## **Metodologi**

Dalam penulisan ini, kaedah penyelidikan yang digunakan adalah kajian kualitatif. Pendekatan ini merupakan suatu cara yang relevan untuk mendapatkan maklumat data. Menurut Hammersley (1992), kualitatif data melibatkan analisis terhadap perkataan (temu bual, catatan) dan imej (pemerhatian, foto dan video) berbanding nombor. Kajian kualitatif disini melibatkan pemerhatian penyelidik dan wawancara dengan beberapa orang dalang wayang kulit Kelantan di Gelanggang Seni Kota Bharu, Kelantan.

Pemerhatian dilakukan selama 12 minggu di tempat persembahan wayang kulit Kelantan iaitu Gelanggang Seni Kota Bharu, Kelantan. Rakaman foto dan video diambil sebagai langkah pendokumentasian dan akan digunakan sebagai contoh dalam penulisan penyelidikan.

Wawancara ataupun temu bual bersama beberapa dalang berlangsung setelah mereka selesai melakukan persembahan. Wawancara ini perlu dibuat bagi memastikan andaian penyelidik tepat dan benar. Wawancara ini dicatatkan semula bagi proses analisis dan digunakan sebagai sokongan dalam penulisan ini.


## **Peranan Dalang dalam Pentas Persembahan Wayang Kulit Kelantan**

Dalang memainkan peranan sebagai ketua kumpulan, *shaman* (bomoh) dan juga bertanggungjawab dalam setiap aspek persembahan, iaitu sebelum persembahan, semasa persembahan hingga selesai persembahan. Amin Sweeney (1972) menyatakan dalang perlu menguasai ilmu kebatinan dan agama. Kepentingan kedua-dua ilmu tersebut dapat dilihat melalui setiap amalan dalang dalam aspek reka bentuk persembahan khususnya panggung. Persembahan wayang kulit Kelantan secara umumnya mempunyai dua fungsi utama yang dipersetujui oleh

pengkaji awal seperti Ghulam Sarwar Yousof, Mohd Ghouse Nasuruiddin dan Amin Sweeney iaitu keperluan ritual dan hiburan.

Permulaan proses pembelajaran dalang adalah melalui satu ritual dikenali sebagai ‘perturun dalang’. Ritual ini melibatkan perjanjian atau persetujuan Dalang Tua (Guru) untuk mewariskan segala ilmu dan pengetahuannya kepada perantis dalang. Perantis dalang juga akan mematuhi segala syarat dan ajaran yang dipelajari untuk meneruskan tradisi pendalangan tersebut. Setiap ajaran guru yang diturunkan akan dipatuhi oleh dalang muda dan diamalkan selagi dalang muda tersebut meneruskan tradisi seni wayang kulit Kelantan ini. Proses pembelajaran ini menumpukan aspek dalaman yang melibatkan ilmu kebatinan atau ilmu dalam, berhubung rapat dengan keagamaan (Jamaluddin Osman, 2001).

Ilmu yang dipelajari dan dikuasai telah diterjemahkan dalam persembahan melalui reka bentuk dalam persembahan wayang kulit Kelantan (temu bual, Nik Mat, 12 Disember 2015). Komponen yang terdapat dalam persembahan wayang kulit ini mempunyai falsafah yang berkait rapat dengan kepercayaan dan agama masyarakat setempat. Dalang mampu memahami, menterjemah dan memelihara makna di sebalik bentuk dalam persembahan wayang kulit Kelantan ini. Bentuk ini merujuk kepada keseluruhan aspek persembahan seperti ritual, cerita, panggung, kelir, cahaya, batang pisang, patung dan alat muzik yang menggambarkan refleksi kepercayaan agama Islam.



**Rajah 1** Peranan dalang dalam kehidupan masyarakat Melayu


Ilmu kebatinan dan agama akan melahirkan dalang muda yang menjaga tradisi, pantang larang dan mampu menghadapi sebarang kejadian melibatkan alam ghaib. Perlakuan guru atau dalang tua dipelajari melalui kaedah latih pandang. Ia membabitkan hal-hal seperti pemilihan tapak, upacara buka panggung dan tutup panggung, upacara mendirikan panggung dan sebagainya. Dalang muda juga akan mempelajari segala pantang larang dan doa dalam mewujudkan aspek rekaan pentas seperti pembinaan panggung, pemasangan kelir dan lampu, pembuatan



patung, kedudukan patung, penyimpanan patung, cara penyimpanan alat muzik dan sebagainya. Setiap perkara dalam persembahan mempunyai pantang larang yang perlu diikuti jika tidak mahu ditimpa kecelakaan kepada ahli kumpulan dan juga kepada para penonton yang hadir menyaksikan persembahan tersebut (Amran Kasimin, 2006) Dalang adalah ketua dalam kumpulan dan ketua masyarakat yang mempunyai kuasa untuk membuat keputusan. Jadual 1 menunjukkan peranan dalang dalam aspek reka bentuk pentas wayang kulit tradisional.

**Jadual 1** Peranan dalang dalam reka bentuk pentas wayang kulit Kelantan tradisional

Pengaruh	Aspek Persembahan Wayang Kulit Kelantan	Peranan Dalang
1.Sistem kepercayaan masyarakat 2.Sistem sosial masyarakat 3.Amalan masyarakat 3.Pantang larang masyarakat	1.Reka bentuk Pentas Persembahan -mempunyai proses rigid dan khusus  2.Pembahagian Ruang Persembahan -melibatkan alam ghaib dan alam nyata -mempunyai had batasan antara ahli persembahan dan penonton	1.Proses mendirikan panggung -memilih tapak -arah panggung -ukuran panggung 2.Proses Persembahan -upacara buka tutup panggung -pemasangan kelir dan lampu -perletakan patung 3.Bomoh dan pemimpin masyarakat -memastikan pantang-larang tidak dilanggar oleh ahli persembahan dan penonton -bertanggungjawab sekiranya bencana berlaku



**Foto 1** Lakaran panggung wayang kulit Kelantan  
 Sumber: Dilukis kembali berdasarkan Shahrum Yub (1970).

Ruang pentas merupakan ruang penting yang menjadi pengantara antara dunia nyata dan dunia ghaib. Justeru, para penonton dilarang memasuki ruang panggung kerana dikhuatiri akan melanggar pantang dan mengakibatkan kecelakaan berlaku. Sekiranya perkara ini berlaku, maka dalang bertanggungjawab menyelesaikan masalah ini dengan memujuk dan memohon maaf terhadap makhluk yang dipercayai menyebabkan kecelakaan tersebut melalui satu upacara khusus.

### **Peranan Dalang dalam Pentas Persembahan Wayang Kulit Kelantan di Gelanggang Seni**

Gelanggang Seni terletak di tengah-tengah negeri Kelantan iaitu di Kota Bharu. Gelanggang Seni ini sentiasa menjadi daya tarikan dalam kalangan para pelancong dan anak-anak tempatan Kelantan yang cintakan seni warisan bangsa. Mereka akan berkampung dan mempersembahkan persembahan masing-masing. Persembahan yang masih digemari dan kerap diadakan terdiri daripada dikir barat, rebana ubi, permainan gasing, wau bulan dan wayang kulit. Persembahan ini didirikan pada hari Rabu setiap minggu secara bergilir-gilir. Gelanggang Seni ini diadakan untuk menumpukan segala aktiviti kesenian yang terdapat di negeri Kelantan pada satu lokasi agar mudah diakses bagi tujuan menggalakkan kunjungan pelancong atau pengunjung. Jabatan Pelancongan Negeri Kelantan telah mengaturkan acara kesenian ini untuk sepanjang tahun bagi tujuan promosi dan satu langkah memelihara kesenian Kelantan agar kekal berterusan dan berupaya dinikmati oleh orang ramai.



**Foto 2** Bahagian hadapan panggung wayang kulit di Gelanggang Seni, Kota Bharu.

Fasiliti asas seperti ruang, pencahayaan lampu dan sebagainya telah pun disediakan oleh pihak Jabatan Pelancongan bagi memudahkan dan mengurangkan kos yang perlu ditanggung oleh penggiat seni yang terlibat membuat persembahan di gelanggang ini. Ruang yang disediakan bersifat pelbagai guna (*multi-purpose*) kerana kekangan ruang dalam kawasan Gelanggang Seni. Misalnya, ruang pameran permainan gasing juga digunakan untuk mempersembahkan seni silat, manakala persembahan Makyung menggunakan ruang persembahan yang sama dengan persembahan wayang kulit. Hal ini menyebabkan penggiat perlu bertoleransi dengan ruang yang disediakan untuk persembahan. Selain itu penggiat juga perlu akur dengan syarat yang ditetapkan pihak penganjur seperti larangan mengadakan upacara menyeru atau memuja semangat, persembahan wajib tamat sebelum pukul 11.00 malam dan persembahan tidak lagi mengenakan bayaran atau bertiket kepada penonton tetapi mendapat pembiayaan daripada pihak penganjur.

Kepercayaan dan amalan dalam persembahan wayang kulit Kelantan oleh masyarakat Melayu sebelum ini seperti pemilihan tapak untuk pembinaan panggung, arah panggung, jarak tinggi panggung, bentuk panggung dan sebagainya telah diabaikan. Dalang yang dahulunya dikatakan arif lagi bijaksana, pengantara dan pemimpin antara alam nyata dan ghaib tidak lagi diamalkan. Hal ini telah digantikan dengan sistem demokrasi dan kesamarataan kerana panggung ini dibina secara tetap dan dalang tidak mempunyai kuasa dalam penetapan syarat panggung. Setiap ahli bebas untuk memasang kelir, menyediakan kelengkapan untuk persembahan tanpa menunggu dalang tiba di tapak persembahan. Umumnya, dalang tidak lagi memainkan peranan sebagai bomoh atau pemimpin masyarakat. Hal ini meletakkan kedudukan dalang adalah sama rata dan sekadar ahli persembahan semata-mata. Jadual 2 memaparkan perubahan reka bentuk pentas wayang kulit Kelantan yang turut mengubah peranan dalang dalam persembahan wayang kulit Kelantan kini.

**Jadual 2** Perubahan reka bentuk pentas dan peranan dalang wayang kulit Kelantan

Pengaruh	Aspek Persembahan Wayang Kulit Kelantan	Peranan Dalang
1.Zaman 2.Undang-undang 3.Kehendak Penganjur 4.Kehendak Penonton	1.Reka bentuk Pentas Persembahan -ruang persembahan disediakan oleh penganjur  2.Pembahagian Ruang Persembahan -bersifat terbuka dan pelbagai fungsi ( <i>multipurposed</i> ) -tertumpu pada alam nyata (realiti) -tidak ada batasan antara ahli persembahan dan penonton	1.Ahli persembahan

Panggung ini juga bebas diakses oleh pengunjung atau pelancong semasa persembahan berlangsung. Pengunjung bebas berada di mana-mana bahagian yang mereka senangi semasa persembahan sedang berlangsung. Hal ini berbeza dengan pantang larang tradisional yang hanya membenarkan penonton berada dan menonton dari bahagian depan panggung atau kelir sahaja. Perubahan itu menunjukkan dalang sudah tidak berperanan dalam mengawal sikap atau tindakan masyarakat melibatkan kawalan sosial sewaktu persembahan wayang kulit, sekali gus membuktikan penghapusan nilai kepercayaan tradisional dan amalan pantang larang dalam kalangan penonton kini.



**Foto 3** Penonton bebas berada sekitar panggung di Gelanggang Seni, Kota Bharu

Rekaan pentas di Gelanggang Seni, Kota Bharu adalah bersifat terbuka. Malah, semasa persembahan berlangsung, para pengunjung bebas memilih sudut pandang dan kedudukan yang bersesuaian semasa menonton. Penonton turut dibenarkan menaiki ruang persembahan sebelum dan selesai persembahan untuk tujuan dokumentasi atau pertanyaan. Perubahan amalan tradisional yang rigid melibatkan pantang larang terhadap batas ruang persembahan dengan penonton telah terhapus. Toleransi yang dilakukan oleh dalang dengan membenarkan penonton menaiki panggung, menyentuh dan menggunakan patung atau kelir serta mencuba peralatan lain adalah satu langkah yang memaparkan pengubahsuaian telah berlaku dalam amalan dan pantang larang wayang kulit Kelantan.

## KESIMPULAN

Perubahan ketara yang wujud dalam reka bentuk persembahan wayang kulit Kelantan adalah aspek ruang persembahan. Ruang persembahan tidak lagi melalui proses melibatkan upacara ritual dan amalan pantang larang. Hal ini telah menghilangkan peranan utama dalang dalam persembahan wayang kulit Kelantan sebagai bomoh, ketua persembahan dan pemimpin masyarakat. Peranan dalang dalam konteks kepercayaan, ritual dan kawalan sosial yang dimanifestasikan melalui aspek persembahan wayang kulit Kelantan khususnya ruang, telah mengalami perubahan. Pembinaan fizikal panggung tradisional yang sarat dengan pelbagai kepercayaan dan amalan masyarakat Melayu telah berubah apabila bersifat tetap dan mempunyai pelbagai fungsi. Pemusatan kesenian di Gelanggang Seni, Kota Bharu ini memberi impak besar terhadap keseluruhan aspek persembahan wayang kulit Kelantan. Selain daripada menghilangkan fungsi kepercayaan terhadap alam ghaib dalam aspek ruang dan persembahan, wujud unsur demokrasi dan toleransi dalam kalangan dalang terhadap keseluruhan aspek persembahan khususnya dalam ruang persembahan. Penghapusan nilai dan pantang larang terhadap sikap dan tindakan penonton semasa persembahan, membuktikan bahawa wujud keterbukaan, tiada lagi unsur syirik melibatkan alam ghaib dan persembahan berfungsi sepenuhnya untuk kepuasan penonton. Walau bagaimanapun, para dalang masih mengekalkan peranan selaku penggerak patung dan ahli persembahan dalam wayang kulit Kelantan. Secara keseluruhan, kini telah berlaku perubahan dalam kalangan dalang apabila mereka membuat penyesuaian peranan dan sikap dengan tuntutan undang-undang, kehendak penganjur, ruang dan keperluan penonton. Perubahan sikap dan amalan dalang adalah satu langkah pemurnian yang amat bijaksana dan rasional bagi memastikan kelangsungan seni wayang kulit Kelantan.

## PENGHARGAAN

Penulisan artikel ini merupakan sebahagian daripada hasil penyelidikan melalui geran penyelidikan Jangka Pendek Universiti Sains Malaysia (*short term grant*), 304/PSENI/6315368.

## RUJUKAN

- Abdul Rahman Napiah. (1987). *Drama Moden Malaysia Perkembangan dan Perubahan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdullah Mohamed (Nakula). (1984). *Falsafah dan Pemikiran Orang-Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.

- Ainu Sham Ramli & Mohd. Azmi Ibrahim. (1996). *Wayang Kulit*. Selangor: Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia.
- Amran Kasimin. (2006). *Unsur-Unsur Menurun Dalam Persembahan Teater Melayu Tradisional*. Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ghulam Sarwar Yousof. (1994). *Dictionary of traditional South-East Asian theatre*. Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Hill, A.H. (1949). Wayang Kulit Stories from Terangganu. *Journal Malaysin Branch Royal Asiatic Society*, No 22, 85-195.
- Jamaluddin Osman. (2001). *Pendalangan Dalam Wayang Kulit Kelantan* (Tesis PhD Tidak Diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- M. Hammersley (1992). *What wrong with ethnography? Methodological exploration*. London: Routledge.
- M.Hammersley (1992). *What Wrong With Ethnography? Methodological Exploration*. London: Routledge.
- Mana Sikana. (1996). *Falsafah Seni Kreatif Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Mohamed Ghouse Nasuruiddin. (2000). *Teater Tradisional Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hazizan Talib. (2008). *Wayang kulit Kelantan dari perspektif mistisisme dan simbolisme* (Tesis Sarjana (Tidak Diterbitkan). Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Shahrum Yub. (1970). The Technical Aspects Of The Kelantan Malay Shadow Play Theatre. *Federation Museum journal, New Series, XV*.
- Sugu Perinpam Joseph Kingham. (1998). *Simbolisme dalam Wayang Kulit Kelantan: Suatu Kajian Aspek Visual* (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan). Universiti Sains Malaysia.
- Sweeney, Amin. (1972). *Malay Shadow Puppets: The Wayang Siam of Kelantan*. Britain: The Trustees of British Museum.

### **Temu Bual**

Nik Mat, 12 Disember 2015.